



15 DEC, 2022

PLPP berjaya lahirkan 30 usahawan OKU



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

PLPP berjaya lahirkan 30 usahawan OKU

KUALA LUMPUR - Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi, sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjaya melahirkan 30 usahawan orang kurang upaya (OKU) menerusi kursus keusahawanan yang ditawarkan tahun ini.

Ketua Pengarah JKM, Datuk Shaharuddin Abu Sohot berkata, kebanyakannya mereka mencebur perniagaan makanan selepas mengikuti kursus ditawarkan PLPP seperti kursus asas keusahawanan, forensik perniagaan serta program bimbingan dan pementoran.

Menurutnya, bagi memastikan setiap OKU dilengkapi pengetahuan keusahawanan, mereka bukan hanya diberikan bantuan dan tunjuk ajar melalui seminar, malah dibimbing secara semuanya untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Jelas beliau, PLPP Bangi juga telah menubuhkan bahagian keusahawanan yang bertanggungjawab menyediakan sokongan diperlukan, meluaskan rangkaian dan menjalinkan kerjasama erat bersama pemain industri, institut keusahawanan serta pihak-pihak berkepentingan.



"Kejayaan ini membuktikan JKM menerusi PLPP Bangi peka dengan keperluan pelajar dan komuniti OKU, lebih-lebih lagi bidang keusahawanan kini menjadi pemangkin kepada perubahan serta perkembangan ekonomi," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Selain itu, Shaharuddin berkata, PLPP Bangi turut menyediakan empat kursus pendek kepada 60 OKU tahun ini bagi melaksanakan reka-yasa semula (*reengineering*) latihan sejarah dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 kepada golongan berkenaan.

Menurutnya, program yang bermula Julai lalu terbahagi kepada kursus urutan tradisional lelaki dan bekam, kursus penggayaan rambut lelaki, kursus penjagaan kulit dan resdung serta kursus kraf kayu, masing-masing disertai seramai 15 OKU.

"Untuk terus berdaya saing dan relevan, PLPP akan menawarkan kursus-kursus jangka pendek pada masa akan datang. Ia bagi memberi peluang kepada lebih ramai OKU mengikuti kursus yang memenuhi pasaran pekerjaan dalam industri dan menyediakan peluang membina perniagaan sendiri dengan ke-

mahiran yang mereka peroleh," katanya.

Sementara itu, tambah Shaharuddin, PLPP turut mewujudkan Bahagian Sokongan Pekerjaan di bawah sektor perkhidmatan sokongan dan keusahawanan yang merupakan tunjang utama bagi OKU serta bekas pelajar PLPP membuat persiapan, selain persediaan memasuki alam pekerjaan.

Beliau berkata, Bahagian Sokongan Pekerjaan dibahagikan kepada tiga unit iaitu unit pemEmpatan pekerjaan, unit transisi kerjaya dan unit advokasi melaksanakan program kesedaran OKU kepada komuniti luar.

"Fungsi unit-unit ini antaranya mewujudkan hubungan dengan bakal majikan atau agensi kerajaan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang membuka peluang pekerjaan kepada OKU, selain menyokong mereka untuk meningkatkan keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan sahsiah diri," kata-

nya.

PLPP ditubuhkan untuk mem-

beri perkhidmatan kepada OKU

melalui latihan vokasional.

Badan berkenaan telah me-

lahirkan 2,220 lepasan OKU sejak

pusat itu beroperasi sepenuhnya

pada 1999 dan pengambilan pe-

lajar pada 2000. -Bernama



15 DEC, 2022

PLPP berjaya lahirkan 30 usahawan OKU



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi, sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjaya melahirkan 30 usahawan orang kurang upaya (OKU) menerusi kursus keusahawanan yang ditawarkan tahun ini. Ketua Pengarah JKM, Datuk Shaharuddin Abu Sohot berkata, kebanyakannya mereka mencebur ke perniagaan makanan selepas mengikuti kursus ditawarkan PLPP seperti kursus asas keusahawanan, forensik perniagaan serta program bimbingan dan pemanduan.